

PM harap seminar beri manfaat kepada negara

Seminar Pelaburan Asia Timur (Sepati) 1994

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Seminar Pelaburan Asia Timur (Sepati) 1994 anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) dapat membimbing generasi kepimpinan baru untuk kebaikan dan kesejahteraan keseluruhan rantau ini pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, usaha PMUM itu mengangjurkan seminar itu harus dipuji kerana ia selaras dengan langkah negara menarik lebih ramai pelabur asing secara lansung ke Malaysia.

"Penyertaan pemimpin korporat, usahawan dan ahli akademik bukan saja menyumbang ke arah pemahaman menyeluruh berhubung nilai, budaya dan etika kerja mereka, malah menyediakan forum yang sesuai untuk meningkatkan hubungan diplomatik dan perniagaan di kalangan peserta dan pembicara," ka-

tanya.

Beliau yang juga penaung kehormat seminar itu berkata demikian ketika menyampaikan amanatnya dalam kata-kata aluan di buku cenderamata seminar itu.

Seminar tiga hari itu ditaja oleh Berjaya Group Berhad manakala Berita Harian dan Nan Yang Siang Pau dipilih sebagai media rasmi seminar itu.

Hampir 100 wakil syarikat korporat di negara ini menyertai seminar itu. Seramai sembilan kertas kerja akan dibentangkan oleh pembicara dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Laos, Kemboja, Myanmar, Thailand, Vietnam dan China.

Satu sesi forum khas mengenai isu sejagat bertajuk *Perundingan Ekonomi Asia Timur - Amalan Serantau atau Sejagat* akan diadakan pada hari terakhir seminar iaitu Ahad ini.